QURANICA, International Journal of Quranic Research,
Special Issue. 16, October 2026, pp. 426-461
© 2026 Centre of Quranic Research (CQR),
University of Malaya, Malaysia

# PENGAJARAN BIDANG QIRĀʾĀT BAGI MATA PELAJARAN MAHARAT AL-QURAN DALAM KALANGAN GURU TAHFIZ ULUL ALBAB (TMUA) DI SEKOLAH KEMENTERIAN MALAYSIA(*)

## *(Teaching of Qirāʾāt in the Maharat al-Quran Subject among Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Teachers in Malaysian Ministry of Education Schools)*

**Mohamad Hafifi Hosen[1], Selamat Amir[2]**

## ABSTRACT

The teaching of qirāʾāt in the subjects of Maharat al-Quran is a curriculum called Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) that combines the Curriculum Integrated Tahfiz (KBT) and the Curriculum National. The implementation of the TMUA has entered its tenth year, and this has encouraged researchers to investigate the teaching of the field of qirāʾāt among TMUA teachers in school Ministry of Education Malaysia (KPM). The teaching qirāʾāt uses Arabic in the PdPc as well as entirely in the text book of Maharat al-Qur'an. This makes it a little difficult for the teacher to explain students in the field of qirāʾāt explaining concepts related to Quranic verses as *manhaj, khilāf, ʿamali qirāʾāt,* and *rasm ʿUthmānī*. Related to this, there are among the teachers who experience problems teaching the field of qirāʾāt due to their background of study not in the field of qirāʾāt. The provision of limited PdPc time is a restriction on teaching of qirāʾāt, especially when implementing the *talaqqī* reading of

(*) This article was submitted on: 13/08/2026 and accepted for publication on: 26/10/2026.

1 Pensyarah Akademik, di Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, 59990 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: hafifi.hosen@ipgkbm.edu.my

2 Prof. Madya (Dr.), di Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. (Corresponding Author). Emel: selamat_amir@um.edu.my

qirāʾāt with students. Furthermore, this research is to identify the perspectives of TMUA teachers towards teaching of qirāʾāt, explore the approach of PdPc as well as the use of BBM, and analyse the academic background that affects the teachers' approach in the teaching of the field. The research will use a fully qualitative methodological approach with interview techniques (individual and Focus Group Discussion) and document data analysis. The interview involve 12 teachers teaching in the upper secondary based on the interview protocol formed. Document analysis will involve official and unofficial documents. Interview data will be processed into vervatim transcriptions, encoded by theme, and analysed. The data collected will be processed using Atlas. Ti 23 software to obtain coding reports in the form of matrix reviews and network connections subsequently analysed as well as formulas in the writing. The study finds that the teacher's perspective on teaching qirāʾāt is positive and accepts this curriculum as suitable and adequate for the level of students and can be mastered, but there are some aspects of improvement that need to be carried out by the authorised parties. Results of exploration of approaches and BBM show that approaches used by teachers are such as centred teachers, *talaqqī, tasmīʿ, tikrār, amali,* and PAK21. The results of the analysis found that the academic background greatly influenced the teaching approach of teachers. Furthermore, from the findings of this study, it is reasonable to consider it a reference by the KPM to purify this curriculum again and to improve the teaching of qirāʾāt to a higher quality in the future.

**Keywords:** *Teaching approach, field of Qirāʾāt, Maharat al-Qur'an, Curriculum TMUA, Teaching Aids*

## ABSTRAK

Pengajaran bidang qirāʾāt dalam mata pelajaran Maharat al-Quran merupakan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang menggabungkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Kurikulum Kebangsaan (arus perdana). Pelaksanaan TMUA telah memasuki tahun ke sepuluh dan ini mendorong pengkaji untuk membuat penyelidikan terhadap pengajaran bidang qirāʾāt dalam kalangan guru TMUA di

sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengajaran bidang qirāʾāt menggunakan Bahasa Arab di dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) serta sepenuhnya di dalam buku teks Maharat al-Quran. Hal ini sedikit menyukarkan guru untuk menerangkan kepada murid khasnya dalam pengajaran bidang qirāʾāt yang membincangkan ayat al-Quran serta *manhaj, khilāf, ʿamali qirāʾāt* dan *rasm ʿUthmānī*. Sehubungan itu, ada dalam kalangan guru yang mengalami masalah mengajar bidang qirāʾāt disebabkan oleh latar belakang pengajian bukan dari bidang qirāʾāt. Selain itu, peruntukan masa PdPc yang terhad menjadi kekangan terhadap pengajaran bidang qirāʾāt terutama apabila melaksanakan pendekatan *talaqqī* bacaan qirāʾāt bersama murid. Justeru itu, penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti perspektif guru TMUA terhadap pengajaran bidang qirāʾāt, meneroka pendekatan PdPc serta penggunaan BBM dan menganalisis latar belakang akademik yang mempengaruhi pendekatan guru dalam pengajaran bidang qirāʾāt. Penyelidikan ini akan menggunakan pendekatan metodologi kualitatif sepenuhnya dengan teknik temu bual (individu dan berkelompok) dan analisis data dokumen. Temu bual melibatkan 12 orang guru yang mengajar di menengah atas menggunakan protokol temu bual yang dibentuk. Analisis dokumen melibatkan dokumen rasmi dan tidak rasmi. Data-data temu bual akan diproses menjadi transkripsi verbatim, dikodkan mengikut tema dan dianalisis. Hasil data yang terkumpul diproses menggunakan perisian ATLAS.ti 23 untuk mendapatkan laporan pengkodan dalam bentuk *matric review* dan *network connection* yang seterusnya dianalisis dan dirumus dalam penulisan. Dapatan kajian mendapati, perspektif guru terhadap pengajaran bidang qirāʾāt adalah positif iaitu kurikulum ini bersesuaian dengan tahap murid serta boleh dikuasai. Namun, ada beberapa cadangan penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh pihak yang berautoriti. Hasil penerokaan terhadap pendekatan yang digunakan oleh guru-guru adalah berpusatkan guru, *talaqqī, tasmīʿ, tikrār, ʿamali* dan penerapan PAK21. Manakala penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) menunjukkan guru menggunakan peralatan IT semasa PdPc. Hasil analisis mendapati latar belakang akademik guru mempengaruhi pendekatan pengajarannya. Justeru itu, daripada hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memurnikan lagi kurikulum TMUA serta memartabatkan pengajaran bidang qirāʾāt yang lebih berkualiti pada masa hadapan.

**Kata Kunci:** *Pendekatan Pengajaran, Bidang Qirāʾāt, Maharat al-Quran, Kurikulum TMUA, Bahan Bantu Mengajar*

## 1. PENGENALAN

Mata pelajaran Maharat al-Quran merupakan salah satu mata pelajaran wajib diambil oleh murid yang mengikuti kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) selain mata pelajaran Hifz al-Quran. Pembelajaran ini juga hanya menyentuh asas ilmu qirāʾāt sebagai pendedahan awal kepada murid. Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas KPM bil. 1 (KPM, Bil.1, 2016) yang mengikuti kurikulum TMUA, murid akan mula mempelajari bidang qirāʾāt dalam sukatan pelajaran di menengah atas (tingkatan 4 dan 5) dan tidak melibatkan murid di menengah rendah (tingkatan 1 hingga 3). Bidang qirāʾāt merupakan salah satu bahagian utama dalam mata pelajaran Maharat al-Quran perlu dikuasai murid yang mengikuti kurikulum TMUA. Pengalaman mengajar mata pelajaran Maharat al-Quran selama 7 tahun 4 bulan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) telah mendorong pengkaji untuk membuat penyelidikan berkaitan dengan pengajaran bidang qirāʾāt dalam kalangan guru TMUA.

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-204, bil 1/2014 bertarikh 24 Februari 2014 bersetuju pelaksanaan TMUA di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 2014 (KPM, 2016). Justeru itu, satu kajian khusus perlu dijalankan untuk melihat beberapa aspek penting dalam pelaksanaan TMUA. Bidang qirāʾāt di dalam mata pelajaran Maharat al-Quran memainkan peranan dan sumbangan besar kepada murid yang mengikuti kurikulum TMUA khasnya dalam pencapaian akademik.

Manakala di institusi seperti Darul Quran (JAKIM), Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) dan institusi tinggi Tahfiz yang lain, pembelajaran ilmu qirāʾātnya lebih menyeluruh beserta matan dan dalil-dalil berkaitan qirāʾāt serta ditambah dengan mata pelajaran *fawāṣil* dan *Rasm* al-Quran (Basirah Abu Bakar, 2014). Pengajaran bidang qirāʾāt di sekolah-sekolah TMUA merupakan satu pendedahan dan persediaan awal kepada murid yang mengikuti kurikulum

TMUA bagi memupuk minat mendalami ilmu qirāʾāt ke peringkat pengajian tinggi disamping memenuhi keperluan kurikulum.

TMUA telah membuka ruang dan peluang kepada murid yang cemerlang di dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) serta kini telah digantikan dengan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) yang merujuk kepada penilaian tahun 6 (KPM, 2018) untuk menyambung dan mengikuti kurikulum TMUA di peringkat sekolah menengah. Kurikulum TMUA memberi peluang murid yang berjaya terpilih melalui proses saringan serta temu duga untuk menghafaz al-Quran dan mendalami ilmu yang berkaitan seperti qirāʾāt namun pada masa yang sama tidak meninggalkan pendidikan arus perdana atau kurikulum kebangsaan. Menurut Ikmal Zaidi dan Nik Mohd Nabil, kurikulum pengajian qirāʾāt ini boleh difahami sebagai satu pembinaan pengetahuan dan pengalaman murid dalam bidang qirāʾāt melalui institusi pendidikan bagi mempertingkatkan kemajuan murid melalui proses-proses pembelajaran yang disediakan (Mohd Izhar Daud & Rohana Zakaria, 2021). Semua ini menunjukkan bahawa ilmu qirāʾāt bukan lagi satu ilmu yang asing khasnya dalam bidang pengajian Islam.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Mata pelajaran Maharat al-Quran (Kemahiran al-Quran) merangkumi, *Tilawah* (Bacaan), *Tajwid* (Hukum Tajwid), Adab al-Quran, *Manhaj al-Qirāʾāt* (Kaedah Bacaan), *Amali Qirāʾāt* (Kaedah Bacaan Secara Praktikal) dan *Rasm ʿUthmānī* (Kaedah Tulisan) merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Selain itu, mata pelajaran Maharat al-Quran mempunyai objektif untuk membetulkan bacaan al-Quran, membetulkan tajwid atau sebutan huruf, pendedahan kepada amali qirāʾāt dan bacaan al-Quran menggunakan *Rasm ʿUthmānī* (Shafie Ismail, 2017).

Mata pelajaran Maharat al-Quran ini wajib diambil oleh semua murid yang mengikuti kurikulum TMUA serta disenaraikan salah satu kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang perlu diambil selain daripada mata pelajaran Hifz al-Quran.

### *2.1 Pelaksanaan Bidang Qirāʾāt*

Pelaksanaan pengajaran bidang qirāʾāt yang terdapat dalam mata pelajaran Maharat al-Quran hanya akan diajarkan pada murid di menengah atas sahaja (Tingkatan 4 dan 5) yang mengikuti kurikulum ini bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut (KPM, 2019):

i. Memahami kaedah Qirāʾāt Sab'ah yang *mutawātir*.
ii. Mengaplikasi kaedah Qirāʾāt Sab'ah yang *mutawātir* dalam ayat al-Quran pilihan.
iii. Memahami kaedah *Rasm ʿUthmānī*.

Bidang qirāʾāt ini juga terbahagi kepada tiga bahagian utama dalam pembelajaran mata pelajaran Maharat al-Quran menengah atas iaitu, bidang *Ilmu Qirāʾāt* (Kaedah Bacaan), bidang *Amali Qirāʾāt* (Kaedah Bacaan Secara Praktikal) dan bidang *Rasm ʿUthmānī* (Kaedah Tulisan) (KPM, 2019). Merujuk kepada Organisasi Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Maharat al-Quran, berikut adalah perincian bidang qirāʾāt (KPM, 2019):

i. Bidang *Ilmu Qirāʾāt* (Kaedah Bacaan):
    a. Takrif Ilmu Qirāʾāt – merangkumi definisi dan maksud qirāʾāt di dalam bahasa arab dari sudut bahasa dan juga istilah secara ringkas tanpa membahaskan perbezaan pendapat ulama dalam memahami maksud qirāʾāt (Yusof et al., 2017).
    b. Perbezaan al-Quran dan al-Qirāʾāt – murid akan memahami perbezaan al-Quran dan al-Qirāʾāt dengan lebih jelas beserta dengan dalil-dalil.
    c. Perbezaan qirāʾāt riwayat, manhaj *dan ṭarīq* – murid akan memahami perbezaan istilah dalam ilmu qirāʾāt sehingga mampu membezakan dan memberi contoh bagi setiap istilah yang dipelajari.
    d. Sejarah pengumpulan ilmu qirāʾāt – memberi gambaran awal pengenalan ilmu qirāʾāt serta sejarah ilmu qirāʾāt itu diasaskan serta sumber asalnya.
    e. Rukun-rukun qirāʾāt *ṣaḥīḥah* – memahami asas rukun qirāʾāt yang perlu dipenuhi serta menepati disiplin ilmu qirāʾāt itu sebagai syarat

utama qirāʾāt itu diterima dan ditolak.

f. Perbincangan ilmu qirāʾāt – murid akan memahami faedah, kelebihan serta kepentingan mempelajari ilmu qirāʾāt dan hubungan ilmu qirāʾāt dengan ilmu yang lain khususnya yang berkaitan dengan *syar'iyyah* dan *feqah*.

g. Pembahagian ilmu qirāʾāt – membahaskan tiga pembahagian utama qirāʾāt iaitu *mutawatir*, *ṣaḥīḥ* dan *syadz*. Perbahasan ini dapat memberikan kefahaman kepada murid tentang pembahagian ataupun *martabat* (tingkatan) qirāʾāt, kedudukan digunakan dalam bacaan, dalam tafsir serta dalam penentuan hukum.

h. Pengenalan imam-imam *qirā'āt sab'ah* (tujuh imam) – murid diperkenalkan secara ringkas berkaitan dengan imam-imam qirāʾāt beserta perawi-perawi seperti nama sebenar imam, gelaran, tarikh lahir dan tarikh kewafatan bagi setiap imam dan perawi. Bahagian ini juga dibahagikan mengikut tingkatan di mana murid akan mempelajari tiga orang imam dan perawinya di tingkatan 4 dan empat orang imam pula di tingkatan 5 berserta perawinya seperti berikut.

**Jadual 1**

*Pembahagian Imam dan Perawi mengikut Tingkatan*

| Tingkatan | Imam | Perawi |
|---|---|---|
| TINGKATAN 4 | Nāfiʿ | Qālūn<br>Warsy |
| | Ibnu Kathīr | Al-Bazzi<br>Qunbul |
| | Abi ʿAmrū | Al-Dūrī<br>Al-Sūsī |

| | | |
|---|---|---|
| TINGKATAN 5 | Ibnu ʿĀmir | Hisyam<br>Ibn Zakuan |
| | ʿĀṣim | Syu'bah<br>Hafs |
| | Hamzah | Khalaf<br>Khallād |
| | Al-Kisāʾī | Abu Al-Harith<br>Dūrī Al-Kisāʾī |

*Manhaj* qirāʾāt Imam Nāfiʿ, Ibnu Kathīr, Abi ʿAmrū, Ibnu ʿĀmir, ʿĀṣim, Hamzah dan Kisāʾī – menyentuh *manhaj* (bentuk wajah bacaan) qirāʾāt bagi setiap imam dan perawi. Antara yang disentuh adalah berkaitan dengan bacaan bab *Basmallah*, hukum *Mad wal-Qaṣr*, *Imālah, Tashīl, Taqlīl, Rawm* dan *Ishmām.* Bahagian ini memberikan kefahaman kepada murid untuk menguasai asas qirāʾāt serta perbezaan wajah bacaan qirāʾāt.

ii. Bidang *Amali Qirāʾāt* (Kaedah Bacaan Secara Praktikal):
Membaca secara praktikal terhadap Surah al-Fatihah dan Surah al-Baqarah ayat 1-31 yang dibaca secara *ifrād* (bacaan individu atau bacaan seorang perawi daripada imam-imam qirāʾāt) berdasarkan Riwayat Qālūn, Warsy, al-Bazzi, Qunbul, al-Dūrī dan al-Sūsī, Hisyam, Ibnu Zakuan, Syu'bah, Hafs, Khalaf, Khallād, Abu al-Harith dan Dūrī al-Kisāʾī.

iii. Bidang *Rasm ʿUthmānī.* (Kaedah Tulisan):
   a. Pengenalan ilmu *Rasm* – memahami makna, bahagian, faedah, hukum mempelajari, *istimdad* dan masalah ilmu *Rasm ʿUthmānī.*.
   b. Sejarah penulisan *mushaf* – mengetahui dan mengenal sejarah pengumpulan dan penulisan mushaf al-Quran dari zaman nabi, zaman Saidina Abu Bakar, dan Zaman Saidina Uthman. Selain itu, murid dapat mengenal para penulis wahyu,

bilangan mushaf yang telah dicetak serta wilayah diedarkan pada permulaan al-Quran *dimushafkan.*

c. Pembahagian *rasm* dan kaedah *rasm uthmani* – mengetahui perbezaan *dan* kaedah penulisan *rasm ʿUthmānī* dengan *qiyāsī* dalam mushaf seperti *hadzaf, ziyādah, al-Hamzah, ibdāl,* dan *faṣl wal faṣl.*

Bidang qirāʾāt dalam pelaksanaan TMUA di peringkat sekolah menengah ini menyentuh pengenalan awal serta asas kepada ilmu qirāʾāt termasuk mengenali para imam dan perawi bagi setiap *qirāʾāt sabʾah* dengan *ṭarīq al-Shāṭibiyyah* (Mazhab Syatibi). Selain itu murid didedahkan dengan istilah hukum dalam ilmu qirāʾāt dan mengaplikasi bentuk pembacaan terhadap ayat di dalam surah al-Baqarah ayat 1 hingga 25 (Daud et al., 2021).

Pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran Maharat al-Quran menengah atas adalah antara 9.30 pagi hingga tamat waktu PdPc. Peruntukan waktu PdPc adalah sebanyak tiga (3) waktu seminggu bagi mencukupkan masa minimum jam setahun iaitu 80 jam. Selain itu PdPc diajar oleh guru tahfiz adalah dengan nisbah seorang guru untuk 10 orang murid (1:10) (KPM, 2019).

### *2.2 Pendekatan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bidang Qiraat*

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorak kearah kejayaan murid, salah satu caranya adalah melalui pendekatan pengajaran yang berkesan. Definisi pendekatan adalah perihal (perbuatan) atau kaedah (cara, langkah-langkah) yang diambil bagi memulakan tugas (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Justeru itu, pendekatan pengajaran adalah merujuk kepada kaedah yang diamalkan semasa pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas.

Di dalam pengajaran qirāʾāt terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berhubung dengan pendekatan pengajaran ini. Antaranya, menurut Azmil, pengajian qirāʾāt mempunyai kaitan rapat dengan pengajian al-Quran, pengkaji menggariskan beberapa pendekatan dan kaedah pengajaran iaitu talkin adalah sebaik-baik kaedah dalam pengajaran qirāʾāt. Kaedah ini juga disokong oleh Mohd Yusof merujuk kepada kajian al-Na'imy iaitu pendekatan atau kaedah pengulangan, latih tubi dan menimbulkan minat (Zainora et al., 2012). Selain

itu, Ab. Halim Tamuri berpendapat pendekatan pengajaran qirāʾāt juga merangkumi kaedah pengajaran konvesional pendidikan Islam meliputi kuliah, syarahan, soal jawab, perbincangan, perdebatan, bercerita, hafalan, halaqah, perumpamaan, lawatan, qudwah hasanah dan pendekatan ini masih diamalkan namun dinaiktaraf dengan pendekatan yang lebih moden seperti penggunaan komputer, peta konsep, penggunaan alat bantu mengajar yang berasaskan internet, bahan video, bahan multimedia, kaedah simulasi, interaksi dan sebagainya (Zainora et al., 2012). Namun begitu, menurut Azmil berdasarkan kajian lepas ada menunjukkan pendekatan serta amalan pengajaran guru itu masih menggunakan kaedah tradisional serta dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa pendekatan pengajaran guru khasnya bidang al-Quran, tahfiz dan qirāʾāt ini sesuai dijalankan secara tradisional (Yusuf et al., 2021). Walau bagaimanapun, Menurut Ahmad, seorang guru perlu lebih bijak menggunakan pendekatan serta mengaplikasikan kemahiran terkini dan sesuai disamping mempunyai ilmu yang mantap dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik. Mohamad Marzuqi berpendapat untuk mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna, penggunaan teknologi diyakini membantu dalam meningkatkan mutu pengajaran khasnya al-Quran dan al- Qirāʾāt (Yusuf et al., 2021).

Berdasarkan pengamatan pengkaji, pendekatan pengajaran bidang qirāʾāt seharusnya lebih kreatif serta menarik dan guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai supaya dapat menarik minat murid untuk mengikuti PdPc serta mendalami bidang qirāʾāt.

### *2.3 Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam PdPc Bidang Qirāʾāt*

Bahan bantu mengajar (BBM) atau Alat Bantuan Mengajar (ABM) merujuk kepada segala kelengkapan yang digunakan oleh guru dan murid sebagai alternatif dalam menyampaikan pengajaran di dalam bilik darjah. BBM bukan hanya tertakluk pada buku teks, papan tulis, alatan tulis dan gambar, malah meliputi pelbagai benda yang digunakan dalam pengajaran. Menurut Kamarul Azmi, kewujudan BBM menjadikan fungsi guru sebagai pemudah cara dalam usaha meningkatkan keberkesanan pembelajaran berpusatkan murid dengan hanya 25 peratus penglibatan guru di dalam bilik darjah (Haron et al., 2020).

Beberapa kajian yang telah dibuat berkenaan dengan BBM pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Qirāʾāt ini antaranya, penggunaan BBM berteknologi dalam pengajaran guru TMUA sebuah penulisan artikel yang ditulis oleh Muhd Zulhelmi Haron. Di dalam kajian ini membuktikan keberkesanan serta guru mempunyai persepsi yang positif terhadap kepentingan BBM berteknologi namun tahap penggunaannya masih di peringkat sederhana. Dapatan ini turut diperkukuh oleh Yusuf et al. (2021) yang mendapati bahawa guru tahfiz telah mengaplikasi set induksi dalam pengajaran subjek Maharat al-Quran sebagai langkah awal merangsang minat dan kesediaan murid terhadap pembelajaran. Namun demikian, tahap pelaksanaannya masih berada di tahap sederhana, sekali gus menunjukkan bahawa aspek tersebut masih memerlukan pemantapan agar set induksi dapat dimanfaatkan secara lebih efektif dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Haron et al. (2020) menegaskan bahawa peranan guru tidak hanya tertumpu pada penyampaian kandungan pengajaran, malah turut merangkumi keupayaan mengintegrasikan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berteknologi secara berkesan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan kondusif. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad menyatakan guru berkesan adalah guru yang sentiasa bersedia membuat perancangan dan memilih strategi pengajaran yang sesuai untuk mencapai objektif pengajaran dengan kepelbagaian BBM (Yusuf et al., 2021).

Namun begitu, merujuk kepada Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti 2017, laporan pemerhatian semasa Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan TMUA mendapati guru TMUA kurang menggunakan BBM berbentuk audio mahupun visual berkaitan qirāʾāt al-Quran sedangkan pihak sekolah menyediakan sumber pendidikan yang berkaitan. Selain itu juga, menurut Mohamad Marzuki dan Azmil menyimpulkan guru TMUA kurang memberikan perhatian dalam aplikasi teknologi dalam pengajaran mereka (Haron et al., 2020). Hal ini turut disokong oleh Mohd Jamalil, Siti Noor Aneeis dan Nurahimah mengatakan penyediaan BBM sebelum pengajaran kurang mendapat perhatian oleh guru khasnya ketika pengajaran bidang qirāʾāt.

Berdasarkan pengamatan pengkaji daripada sorotan kajian ini menunjukkan kurangnya penekanan serta penggunaan BBM dalam kalangan guru tahfiz terhadap pengajaran bidang qirāʾāt. Guru perlu mempelbagaikan penggunaan

BBM bagi merangsang motivasi, menarik minat serta deria murid dalam pengajaran qirāʾāt.

## 3. METODOLOGI

Penentuan dan pemilihan metod dalam setiap kajian amat penting kerana kesilapan membentuk metod kajian boleh mengakibatkan berlakunya kepincangan hasil kajian. Justeru itu, kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menggunakan kaedah temubual (kajian lapangan) dan analisis dokumen (kajian kepustakaan) khasnya bagi metod pengumpulan data kajian (Creswell, 2014). Seterusnya metod analisis data kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik. Berdasarkan pengamatan pengkaji pendekatan kualitatif sesuai untuk meneroka dan memahami lebih mendalam berkaitan dengan bentuk-bentuk sesuatu amalan (Creswell, seperti yang dipetik dalam Darussalam & Hussin, 2018, hlm. 454) pengajaran bidang qirāʾāt. Menurut Cresswell dan Yin kajian kualitatif bertujuan untuk mengkaji fenomena yang kompleks seperti individu, organisasi, hubungan dan yang berkaitan serta ini bersesuaian dengan kajian yang melibatkan individu seperti guru yang mengajar di sesebuah institusi atau sekolah (Rasheed, 2016). Justeru itu pendekatan kualitatif sangat bertepatan dengan kajian ini untuk meneroka serta menyelami data berkaitan pengajaran bidang qirāʾāt dalam mata pelajaran Maharat al-Quran dalam kalangan guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

Menurut Patton kajian yang menggunakan kajian kualitatif juga dapat membantu pengkaji meneroka isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan lebih terperinci serta memelihara keasliannya secara holistik. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan kajian kualitatif bagi mandapatkan data berkaitan. Pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar seperti aktiviti yang berlaku, menyelami dan meneroka susasana sebenar dalam persekitaran kajian (Rasheed, 2016, p. 125). Kajian ini sangat penting untuk menerangkan, memberikan maklumat, membangun data, menganalisis dapatan daripada pelbagai sumber serta menyediakan triangulasi data untuk kesahan maklumat berdasarkan situasi sebenar. Data akan dikumpul melalui proses temu bual dan disokong dengan analisis dokumen untuk membuat interprestasi berkaitan fenomena ini. Kemudian pengkaji membuat huraian daripada segala

maklumat yang diperoleh, menganalisis dengan membuat interprestasi dan pengkategorian.

Melalui pendekatan kualitatif ini juga, memberi peluang kepada pengkaji untuk bertemu dengan peserta kajian. Justeru itu, Rasheed, Z. N (2016) menyokong pengkaji lebih mudah memahami secara langsung apa yang berlaku dan berinteraksi dengan informan. Hal ini juga dapat memberikan gambaran sebenar yang berlaku tentang sesuatu fenomena yang dilihat atau yang diluahkan oleh peserta kajian serta memberikan dapatan data yang lebih realistik dan bermakna.

### *3.1 Reka Bentuk Kajian*

Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk 'kajian kes' kerana hendak meneroka pengajaran guru tahfiz dalam bidang qirāʾāt bagi mata pelajaran Maharat al-Quran di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan yang diutarakan dalam kajian ini khususnya berkaitan pengajaran bidang qirāʾāt bagi mata pelajaran Maharat al-Quran dalam kalangan guru TMUA. Penyelidikan ini meneroka realiti pengajaran qirāʾāt yang dilaksanakan oleh para guru tahfiz dari aspek i) perspektif atau persespsi guru, ii) pendekatan dan penggunaan BBM dalam pengajaran dan iii) pengaruh latar belakang akademik dalam pengajaran bidang qirāʾāt.

Secara umum, pelaksanaan pengajaran bidang qirāʾāt dalam kalangan guru Tahfiz bersumberkan dokumen-dokumen asas seperti Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP), Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH atau e-RPH). Merujuk kepada ketiga sumber ini, permasalahan pengajaran bidang qirāʾāt dalam mata pelajaran Maharat al-Quran akan dapat dirungkai serta memperoleh data yang berkualiti dalam usaha untuk penambahbaikan kurikulum ini. Justeru itu, implementasi teknik analisis dokumen dan temu bual amat relevan bagi memperoleh keabsahan data-data berkenaan dengan pengajaran bidang qirāʾāt untuk hasil dapatan kajian yang tepat.

### *3.2 Instrumen Kajian*

Dalam proses penyelidikan kualitatif, pengkaji merupakan instrumen kajian utama. Pengkaji akan mengumpul data melalui temu bual dan analisis data semasa melaksanakan kajian lapangan. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan soalan atau kenyataan yang telah dibina khusus untuk memperoleh maklumat yang berkualiti dalam sesuatu kajian. Instrumen yang digunakan pengkaji ialah protokol temu bual dan borang senarai semak dokumen. Instrumen protokol temu bual ini digunakan terhadap informan untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas berhubung ***Pengajaran Bidang Qirāʾāt bagi Mata Pelajaran Maharat Al-Quran dalam kalangan Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)***. Pengkaji ada menyatakan di dalam protokol temu bual untuk memohon serta berharap informan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan di dalam temu bual ini dengan jujur. Segala maklum balas yang diberikan adalah sulit. Proses temu bual mengambil masa selama setengah jam (30 minit) dan dirakam. Nama serta butiran informan tidak didedahkan serta dimasukkan dalam analisis begitu juga laporan data yang dikumpul.

#### *3.2.1 Instrumen Analisis Dokumen*

Analisis data ialah proses memeriksa, membersih dan mengubah data hasil daripada penelitian terhadap sesuatu data baru dan dirancang secara sistematik untuk mendapatkan data kajian dengan cara mudah untuk difahami. Analisis data melibatkan proses mengurus, memperinci, mengkaji, dan menginterpretasikan hasil dapatan kajian. Analisis data boleh dikatakan usaha yang dilakukan untuk memecahkan data kepada beberapa unit yang terkawal, mencari pola dan mendapatkan maklumat-maklumat penting untuk dimaklumkan kepada orang ramai.

Penyelidikan ini melibatkan dua jenis dokumen primer iaitu DSKP maharat al-Quran tingkatan 4 dan 5. Kemudian empat jenis dokumen tidak rasmi iaitu RPT Maharat al-Quran Tingkatan 4, RPT Maharat al-Quran Tingkatan 5, RPH atau e-RPH dan Jadual Waktu persendirian guru tahfiz akan dianalisis dalam penyelidikan ini. Sehubungan itu, pengkaji akan memastikan setiap dokumen dianalisis secara berkesan dengan pengkaji sendiri bertindak

sebagai instrumen analisis dokumen sebagai pengekod terhadap semua data dan maklumat yang terkandung dalam dokumen-dokumen tersebut.

Pengkaji akan menggunakan tiga metod dalam menganalisis data iaitu penyaringan data *(data reduction),* persembahan data *(data display)* dan penulisan kesimpulan *(conclusion drawing/verifikasi).* Pengkaji akan melakukan penyaringan data untuk mengasingkan data yang relevan, memilih, membuang, meringkas, dan menyusun data dalam bentuk yang lebih berfokus supaya dapat membantu pengkaji memudahkan proses membuat keputusan. Penyaringan data dilakukan secara berterusan sepanjang kajian dilaksanakan. Dalam penyaringan data ini, bahagian paling penting ialah pengkodan data, proses ini melibatkan pengkaji perlu membaca transkripsi untuk menentukan pola, tema, topik, menyenaraikan kategori menurut abjad dan urutan nombor, menguruskan data dengan cara mengasingkan data serta meletakkan tanda pada unit-unit tertentu, membina kod pola dan membina tema- tema tertentu.

Dalam mempersembahkan data, pengkaji melakukan dengan menggunakan perkataan, rajah, jadual dan huraian. Data perlu dipersembahkan dengan cara tersusun dan dapat menjelaskan keputusan yang dibuat. Manakala dalam penulisan kesimpulan pula pengkaji akan membuat konklusi menyertakan bukti-bukti sokongan daripada data seperti menyemak bukti yang menyokong kesahan dapatan, mencari bukti yang tidak selaras dengan dapatan, mempertimbangkan perspektif alternatif dan sebagainya. Pengkaji akan melakukan beberapa peringkat pemprosesan data antaranya ialah transkripsi, organisasi data, pelaziman (biasakan diri dengan data), koding dan tema. Pengkaji akan melakukan proses transkripsi sebagai langkah pertama dalam proses penganalisian data, menyalin nota-nota dalam bentuk rakaman audio yang mengandungi temu bual pengkaji dengan informan dan catatan kerja lapangan. Catatan dan rakaman dilakukan secara menyeluruh tanpa meninggalkan apa yang didengar dan diperhati. Proses yang dilakukan oleh pengkaji ini dapat membantu dan memberi peluang kepada pengkaji memahami setiap data yang diperoleh.

Data kualitatif yang berasaskan teks seperti transkrip temu bual diuruskan dengan sistematik supaya boleh dianalisis mengikut komponen tertentu seperti komponen pengumpulan, penguncupan, pengolahan dan kesimpulan. Pada peringkat pengumpulan, data dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuklah rakaman audio yang perlu dibuat transkrip. Peringkat penguncupan

data berlaku apabila data yang sama digabungkan berdasarkan kod-kod yang telah dikenal pasti.

Kebiasaannya, setiap dokumen akan dicatatkan butiran-butiran umum seperti tarikh, tempat, nama peserta dan topik yang berkaitan. Penyelidik menggunakan kod tertentu sebagai satu cara untuk menyusun atur teks untuk dibuat interpretasi. Langkah ini dianggap sebagai proses pembersihan dan pemurnian data yang memerlukan pengkaji membaca maklumat berulang kali serta memahami maklumat sambil meninjau jenis-jenis pengkodan yang dibuat, sama ada maklumat tersebut boleh dikategorikan dengan tema-tema tertentu yang berkaitan dengan fokus kajian. Selepas itu barulah data itu boleh diolah dan diorganisasikan semula untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditentukan. Akhir sekali, pengkaji akan merumus sebagai kesimpulan kepada hasil penyelidikan ini.

### *3.2.2 Instrumen Temu Bual*

Temu bual merupakan proses mendapatkan data dan maklumat secara langsung serta pengkaji dan informan perlu hadir bersama. Temu bual ini akan menggunakan dua set soalan protokol temu bual yang di adaptasi dan diubah suai daripada kajian Bahariah Ab Rahman, 2021. Borang temu bual ini mengandungi dua bahagian bagi setiap set guru iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang guru beserta 11 item, iaitu, umur, gred, jantina, kelayakan akademik, bidang pengkhususan, kelayakan ikhtisas, mata pelajaran dan tingkatan yang diajar, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus berkaitan bidang dan mata pelajaran Maharat al-Quran. Manakala bagi bahagian B pula, mengandungi 4 set soalan bagi guru menyentuh berkaitan persepsi guru terhadap bidang qirāʾāt, pendekatan dan Bahan Bantu Mengajar (BBM), latar belakang guru yang mempengaruhi pengajaran dan soalan umum berkaitan bidang kajian ini.

## *3.3 Sampel dan Peserta Kajian*

Persampelan kajian: persampelan bertujuan *(Purposive Sampling).* Di sini pengkaji boleh menentukan informan yang sesuai dengan tujuan kajian. Persampelan bertujuan juga tidak mewakili populasi tetapi dapat memberikan gambaran awal mengenai bidang kajian serta homogen (mata pelajaran) kajian

tidak memerlukan saiz sampel yang besar. Informan yang dipilih adalah dalam kalangan guru TMUA yang berpengalaman mengajar bidang qirāʾāt bagi mata pelajaran Maharat al-Quran. Dalam penyelidikan ini, guru yang terlibat dengan pengajaran bidang qirāʾāt adalah dalam kalangan guru TMUA menengah atas sahaja.

### *3.4 Unit Sampel Analisis Dokumen*

Kajian ini melibatkan pemilihan sampel bertujuan yang telah ditetapkan seperti DSKP Maharat al-Quran, RPT Maharat al-Quran, e-RPH Maharat al-Quran dan jadual waktu peribadi guru tahfiz bagi tahun 2023. Berdasarkan DSKP Maharat al-Quran ini terdapat dua DSKP Maharat al-Quran yang dianalisis iaitu DSKP Maharat al-Quran tingkatan 4 dan 5 memfokuskan tumpuan terhadap sukatan pelajaran atau *'standard kandungan'*, perspektif guru, strategi, pendekatan pengajaran dan BBM yang terdapat di dalam dokumen tersebut bagi mata pelajaran Maharat al-Quran.

Seterusnya berdasarkan RPT dan e-RPH, pengkaji akan memberikan tumpuan kepada pendekatan pengajaran, strategi pengajaran serta penggunaan BBM dalam pengajaran bidang qirāʾāt. Berlainan pula berkenaan dengan jadual waktu peribadi guru tahfiz, bilangan peruntukkan masa dalam seminggu sahaja yang diberikan fokus dalam penyelidikan ini. Justeru itu, setiap fokus terhadap dokumen-dokumen ini akan dijadikan sebagai tema asas dalam analisis data dokumen bagi peringkat seterusnya dalam penyelidikan ini. Justifikasi pemilihan dokumen-dokumen ini sebagai unit sampel disebabkan setiap dokumen itu merupakan sumber primer atau rujukan asas terhadap guru-guru tahfiz yang mengajar bidang qirāʾāt. Jadual 2 menerangkan unit sampel dokumen.

**Jadual 2**
*Unit Sampel Analisis Dokumen*

| Bil | Singkatan | Dokumen | Penerbit | Sampel Analisis |
|---|---|---|---|---|
| 1 | DSKP MA | Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran | Kementerian Pendidikan Malaysia | Standard Kandungan, Kaedah Pengajaran, Strategi Pengajaran dan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Maharat al-Quran | | Bahan Bantu Mengajar untuk Maharat al-Quran. |
| **2** | RPT MA | Rancangan Pengajaran Tahunan Maharat al-Quran bagi Tahun 2022 | Ustaz Hafizul SMKA Kuala Lumpur | Minggu PDPC, Tajuk Pelajaran, Kaedah Pengajaran dan BBM Maharat al-Quran. |
| **3** | e-RPH MA | e-Rancangan Pengajaran Harian Maharat al-Quran bagi Tahun 2022 | Ustaz Hafizul, SMKA Kuala Lumpur | RPH mata pelajaran Maharat al-Quran bermula minggu 1 hingga 10 |
| **4** | Jadual Waktu MA | Jadual Waktu Mata Pelajaran Maharat al-Quran, SMKA Kuala Lumpur bagi Tahun 2022 | SMKA Kuala Lumpur, Kuala Lumpur | Peruntukan masa PDPC bagi mata pelajaran Maharat al-Quran dalam setiap minggu dan hari. |

### *3.5 Peserta Temu Bual*

Kesinambungan daripada pemilihan Persampelan kajian: persampelan bertujuan *(Purposive Sampling)* bagi analisis dokumen, pengkaji telah menetapkan 12 orang guru tahfiz yang mengajar bidang qirāʾāt di tingkatan 4 dan 5. Jadual 3 berikut menunjukkan senarai informan-informan (bukan nama sebenar) yang terlibat dalam kajian ini.

**Jadual 3**
*Senarai Informan Beserta Kod Kajian*

| **Bil/Kod** | **Nama** | **Gred** | **Pengalaman Mengajar** | **Kelayakan Ikhtisas** |
|---|---|---|---|---|

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **GT01** | Ustaz Hafizul | DG48 | 17 Tahun | -Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Al-Azhar Mesir<br>-KPLI (Pendidikan Islam/Bahasa Arab) |
| **GT02** | Ustaz Rafik | DG48 | 16 Tahun | -Maahad Tahfz Selangor (Martah)<br>-Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat, Al-Azhar Mesir<br>-KPLI j-QAF (Pendidikan Islam/Bahasa Arab) |
| **FGDAI01** | Ustaz Tarmizi | DG44 | 13 Tahun | -Darul Quran, JAKIM<br>-Ijazah Sarjana Muda Syariah, UM<br>-Ijazah Sarjana Syariah, UM<br>- KPLI j-QAF (Pendidikan Islam/Bahasa Arab) |
| **FGDAI02** | Ustaz Abrar | DG44 | 13 Tahun | -Maahad Tahfiz Selangor (Martah)<br>-Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat, Al-Azhar Mesir<br>-KPLI j-QAF (Pendidikan Islam/Bahasa Arab) |
| **FGDAI03** | Ustaz Fairus | DG44 | 13 Tahun | -Maahad Tahfiz Selangor (Martah)<br>-Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat, Al-Azhar Mesir |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | -KPLI j-QAF (Pendidikan Islam/Bahasa Arab) |
| **FGDAI04** | Ustaz Solehan | DG44 | 12 Tahun | -Maahad Tahfiz Negeri Pulau Pinang (MTQN)<br>- Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat, Al-Azhar Mesir<br>-KPLI (Pendidikan Islam/Bahasa Arab) |
| **FGDAI05** | Ustaz Safwan | DG44 | 11 Tahun | -Darul Quran, JAKIM<br>-Ijazah Sarjana Muda Syariah, UM<br>-Ijazah Sarjana Syariah, UIAM<br>- KPLI j-QAF (Pendidikan Islam/Bahasa Arab) |
| **FGDBI01** | Ustaz Syahid | DG44 | 9 Tahun | -Tahfz Klang<br>-Sarjana Muda Ilmu Hadith Universiti Madinah.<br>-PPPDP (Diploma Pendidikan Tahfiz) |
| **FGDBI02** | Ustaz Fadzli | DG44 | 9 Tahun | -Tahfz Klang<br>-Sarjana Muda Syariah Universiti Madinah.<br>-PPPDP (Diploma Pendidikan Tahfiz) |
| **FGDBI03** | Ustaz Sabiq | DG41 | 6 Tahun | -Darul Quran, JAKIM<br>- Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat, Al-Azhar Mesir<br>-PPPDP (Diploma Pendidikan Tahfiz) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **FGDBI04** | Ustaz Anas | DG41 | 6 Tahun | -Darul Quran, JAKIM<br>-Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Jordan<br>-PPDP (Diploma Pendidikan Tahfiz) |
| **FGDBI05** | Ustazah Faeez | DG41 | 6 Tahun | -Darul Quran, JAKIM<br>-Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Sunnah, UIA<br>-PPDP (Diploma Pendidikan Tahfiz) |

Merujuk kepada Jadual 3 berikut, setiap informan diberikan kod atau bukan nama sebenar sebagai melindungi butiran informan untuk tidak didedahkan serta merupakan salah satu etika kerahsiaan dalam penyelidikan kualitatif.

## 4. DAPATAN DAN ANALISIS

Merujuk kepada perolehan data kajian yang telah dikumpul, murid yang mengikuti kurikulum ini wajib mengambil dua mata pelajaran utama iaitu *Hifz al-Quran* dan *Maharat al-Quran*. Bidang qirāʾāt yang terdapat di dalam mata pelajaran Maharat al-Quran ini hanya melibatkan murid-murid di menengah atas sahaja. Agihan bidang mata pelajaran Maharat al-Quran ini dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan Jadual 4 berikut:

**Jadual 4**
*Agihan Bidang Mata Pelajaran Maharat Al-Quran TMUA*

| **Perkara** | **Tingkatan 1** | **Tingkatan 2** | **Tingkatan 3** | **Tingkatan 4** | **Tingkatan 5** |
|---|---|---|---|---|---|
| Tilawah al-Quran | √ | √ | √ | √ | |
| Adab al-Quran | √ | | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Tajwid | √ | √ | √ | √ | √ |
| Ilmu Qirāʾāt | | | | √ | √ |
| Amali Qirāʾāt | | | | √ | √ |
| Rasm ʿUthmānī | | | | | √ |

Merujuk kepada Jadual 4 di atas, pengajaran bidang qirāʾāt ini merupakan kesinambungan daripada pengajaran maharat al-Quran menengah rendah.

Pengajaran bidang qirāʾāt berpandukan Dokumen Standard Kurikulum Pengajaran (DSKP) yang telah dikeluarkan oleh KPM. Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan juga Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang disediakan mesti merujuk DSKP Maharat Al-Quran yang merupakan dokumen rasmi pengajaran.

Maharat al-Quran ini diajar oleh guru TMUA dengan nisbah seorang guru untuk sepuluh murid (1:10)[3] serta PdPc mata pelajaran Maharat al-Quran ini berlangsung antara jam 9.30 pagi selepas waktu mata pelajaran Hifz al-Quran seperti waktu akademik yang lain sehingga akhir waktu persekolahan iaitu 2.15 petang. Dalam aspek peruntukkan masa PdPc bagi mata pelajaran Maharat al-Quran, didapati hanya 1 jam 15 minit sahaja masa yang disediakan untuk setiap minggu di sekolah. Hal ini juga disokong melalui hasil dapatan analisis dokumen dalam bentuk Jadual 5 bersumberkan jadual waktu informan GT01 dan GT02, jadual adalah seperti berikut:

**Jadual 5**
*Peruntukan Masa PdPc Maharat al-Quran Dalam Tempoh Seminggu*

| **Tingkatan** | **Hari** | **Masa** | **Analisis Peruntukan Maharat Al-Quran mengikut Masa/Minit** | **Jumlah Masa dalam seminggu** |
|---|---|---|---|---|

[3] Kementerian Pendidikan Malaysia, *"Surat Pekeliling Ikhtisas Kpm- Pelaksanaan Tmua Di Sekolah Menengah Kpm," 1,* (2016).

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **4 Ali** | Khamis | 11.20 pagi – 11.55 pagi<br>11.55 pagi – 12.30 t/hari | 2 masa/70 minit | 105 minit |
| | Jumaat | 10.25 pagi – 11.00 pagi | 1 masa/35 minit | |
| **4 Abu Bakar** | Isnin | 12.30 t/hari – 1.05 petang<br>1.05 petang – 1.40 petang | 2 masa/70 minit | 105 minit |
| | Rabu | 11.20 pagi – 11.55 pagi | 1 masa/35 minit | |
| **4 Hamzah** | Rabu | 1.40 petang – 2.15 petang | 1 masa/35 minit | 105 minit |
| | Khamis | 11.20 pagi – 11.55 pagi<br>11.55 pagi – 12.30 t/hari | 2 masa/70 minit | |
| **4 Othman** | Rabu | 12.30 t/hari – 1.05 petang<br>1.05 petang – 1.40 petang | 2 masa/70 minit | 105 minit |
| | Jumaat | 10.25 pagi – 11.00 pagi | 1 masa/35 minit | |
| **4 Umar** | Rabu | 11.20 pagi – 11.55 pagi | 1 masa/35 minit | 105 minit |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Jumaat | 11.20 pagi - 11.55 pagi<br>11.55 pagi – 12.30 t/hari | 2 masa/70 minit | |
| **5 Ali** | Selasa | 12.30 t/hari – 1.05 petang<br>1.05 petang – 1.40 petang | 2 masa/70 minit | 105 minit |
| | Jumaat | 10.25 pagi – 11.00 pagi | 1 masa/35 minit | |
| **5 Abu Bakar** | Khamis | 11.20 pagi – 11.55 pagi<br>11.55 pagi – 12.30 t/hari | 2 masa/70 minit | 105 minit |
| | Jumaat | 10.25 pagi – 11.00 pagi | 1 masa/35 minit | |
| **5 Hamzah** | Rabu | 1.05 petang – 1.40 petang<br>1.40 petang – 2.15 petang | 2 masa/70 minit | 105 minit |
| | Jumaat | 10.25 pagi – 11.00 pagi | 1 masa/35 minit | |
| **5 Othman** | Isnin | 12.30 t/hari – 1.05 petang<br>1.05 petang – 1.40 petang | 2 masa/70 minit | 105 minit |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Rabu | 11.20 pagi – 11.55 pagi | 1 masa/35 minit | |
| **5 Umar** | Rabu | 11.55 pagi – 12.30 t/hari | 1 masa/35 minit | 105 minit |
| | Khamis | 12.30 t/hari – 1.05 petang<br>1.05 t/hari – 1.40 petang | 2 masa/70 minit | |

Merujuk kepada Jadual 5, pelaksanaan PdPc mata pelajaran Maharat al-Quran bagi menengah atas iaitu tingkatan 4 dan 5 adalah 105 minit seminggu, bersamaan dengan 3 waktu (35 minit setiap waktu) diperuntukkan bagi setiap kelas di menengah atas tersebut. Seperti mana yang telah dikongsikan sebelum ini, pengajaran mata pelajaran Maharat al-Quran di menengah atas ini adalah melibatkan bidang qirāʾāt.

Melalui analisis ini juga mendapati, tempoh PdPc Maharat al-Quran bagi menengah atas dalam tempoh setahun di sekolah dijelaskan di dalam Jadual 6 berikut:

**Jadual 6**
*Tempoh Pelaksanaan PdPc Maharat al-Quran Untuk Setahun*

| Mata Pelajaran | Tingkatan | Perkiraan Tempoh Pelaksanaan PdPc Setahun | Jumlah Tempoh Pelaksanaan PdPc Setahun |
|---|---|---|---|
| Maharat al-Quran | 4 | 42 minggu x 3 waktu (1 jam 5 minit) | 126 waktu (4410 minit/73 jam 50 minit |
| Maharat al-Quran | 5 | 42 minggu x 3 waktu (1 jam 5 minit) | 126 waktu (4410 minit/73 jam 50 minit |

Jadual 6 di atas menjelaskan jumlah tempoh masa pelaksanaan PdPc Maharat al-Quran untuk setahun di sekolah TMUA sebanyak 73 jam 50 minit bersamaan dengan 126 waktu sahaja. Hal ini menunjukkan masa dan waktu PdPc Maharat al-Quran yang diperuntukkan di sekolah cukup terhad serta berbeza dengan jumlah peruntukkan masa yang diperuntukkan oleh KPM di dalam SPI KPM Bil. 6, Tahun 2019 menyatakan peruntukkan masa minimum bagi pelaksanaan PdPc tersebut adalah selama 80 jam setahun. Ini menunjukkan peruntukkan masa PdPc tersebut tidak menepati jumlah masa dan waktu minimum yang digariskan. Ini adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh guru-guru TMUA di sekolah dengan tempoh waktu yang agak terhad bagi memastikan PdPc bidang qirāʾāt ini mencapai objektif dan berjalan dengan lancar.

Tempoh pengajian murid-murid TMUA mempelajari bidang qirāʾāt ini adalah selama dua tahun sahaja, sehingga murid-murid ini menduduki peperiksaan SPM bagi kertas Maharat al-Quran. Kertas Maharat al-Quran, terbahagi kepada dua kertas, iaitu yang pertama adalah kertas satu yang berkod 5302/1 dan kertas dua berkod 5302/2 yang nisbah markah adalah 60% bagi kertas satu, manakala 40% untuk kertas dua. Kertas satu merupakan soalan yang berbentuk *syafawi* (lisan) manakala kertas dua merupakan soalan berstruktur *tahriri* (penulisan). Berdasarkan perolehan maklumat yang dikumpul mendapati, kebanyakan murid TMUA tidak mengalami masalah di kertas satu (lisan), namun masalah banyak dihadapi pada kertas dua (penulisan) kerana melibatkan soalan-soalan berstruktur serta banyak istilah qirāʾāt yang perlu dihafal dan difahami. Hal ini boleh dirujuk pada petikan temu bual berikut:

> *"...kebanyakan murid tidak ada masalah kertas 1..ada boleh baca dan boleh menguasai …tapi masalah yang besar ini adalah pada kertas 2.. khususnya pada penulisan kertas dua…berkaitan dengan soalan-soalan yang mungkin masih ada murid yang belum menguasai <term-term> dan istilah dalam bidang qirāʾāt.."*
>
> GT02, minit 05:14

Justeru itu, ini juga merupakan cabaran serta tanggungjawab guru TMUA di sekolah untuk memastikan kedua-dua kertas ini seimbang agar murid memperoleh keputusan yang memberangsangkan bagi kertas Maharat al-Quran

SPM yang mempengaruhi Gred Purata Sekolah (GPS) sekolah setiap tahun. Setelah diteroka isu ini melalui temu bual individu dan berkelompok bersama dengan guru TMUA di sekolah, mendapati mereka telah berusaha dengan pelbagai cara serta memberikan sumbangan meningkatkan kefahaman murid serta membantu perjalanan pengajaran bidang qirāʾāt berjalan dengan baik. Ada antara guru TMUA ini memberikan latihan intensif terhadap murid, seperti latih tubi serta bimbingan terhadap murid yang lemah. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kenyataan yang diberikan dalam temu bual ini:

> *"kita latih tubi, bagi kuiz, kadang-kadang kita buat permainan, macam-macam lah. Tapi penjelasan itu dalam keadaan <talaqqī Mushāfahah >. Kita bagi penerangan, murid baca kita dengar, kita betulkan"*
>
> FGDA, minit 02:50

> *"apabila selesai sahaja PdPc..saya akan berikan soalan-soalan yang hampir menyerupai format SPM kepada semua murid di kelas..dan murid yang lemah ini akan buat latih tubi…asingkan dan kita akan buat percambahan minda.."*
>
> GT02, minit 05:33

Konklusi yang dapat disimpulkan di sini, pengajaran bidang qirāʾāt dalam mata pelajaran Maharat al-Quran di sekolah ini merupakan satu kurikulum baharu yang diperkenalkan oleh KPM sebagai pengenalan dan pendedahan asas kepada murid-murid TMUA berkaitan pembelajaran bidang qirāʾāt. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi dan perlu ditangani oleh guru-guru TMUA ini khasnya berkenaan peruntukkan masa dan waktu yang terhad di samping cabaran untuk mendidik dan membimbing murid-murid TMUA supaya pengajaran bidang qirāʾāt berjalan dengan lancar.

## 4. PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian, dapat disimpulkan pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan di sekolah semasa PdPc qirāʾāt menunjukkan kepelbagaian variasi pendekatan yang digunakan. Namun begitu, beberapa pendekatan asas yang biasa digunakan iaitu pendekatan berpusatkan guru untuk menerangkan *manhaj qirāʾāt, rasm* (penulisan) dan *qawāʿid* (kaedah). Seterusnya pendekatan talaqqī menghafal, tasmīʿ, pengulangan *(al-Tikrār),* intensif *amali*, latih tubi, aktiviti berkumpulan, soal jawab dan penerapan PAK21 di dalam PdPc qirāʾāt tersebut. Berikut disertakan beberapa petikan temu bual yang diberikan oleh informan:

> *"kita sebagai guru ini, kita kena baca dahulu lah, teknik saya. Kita baca sebagaimana, <manhaj> ((bacaan)) imam tersebut, kemudian barulah murid itu boleh mengikuti cara bacaan tersebut. Apa makna talaqqī ini, talaqqī ini bertemu, <mushāfahah> itu apa? bibir. Itu kita kena <talaqqī mushāfahah>. Sebab apa kena talaqqī, sebab ada istilah-istilah yang ditulis sahaja dalam buku, tetapi bagaimana bunyi dia…"*
>
> FGDA, minit 02:32

> *"apa, <ishmām>? macam mana bunyi <ishmām>? Kita tidak tahu, bagaimana bunyi <raum> kan? Bunyi kita dapat dengar, tetapi gambar atau video ((keadaan)) sebenar tidak ada. Jadi perkara seperti ini memerlukan talaqqī. Talaqqī ini sewajibnya, bagi saya guru mesti talaqqī ((bacaan tersebut)) kepada murid supaya kita ((murid)) nak membaca al-Quran itu lebih yakin dan sampai bacaan kita itu kepada ((sanad yang bersambung)) Rasulullah SAW…"*
>
> FGDA, minit 02:33

> *"masih menggunakan teknik <talaqqī> dan <mushāfahah>. (pause) Cuma untuk pengukuhan, maknanya, selepas kita mengajar itu, kita pelbagaikan teknik itu lah…"*
>
> FGDA, minit 02:49

*"qirāʾāt ini perlu pada talaqqī …"*

FGDB, minit 03:00

*"kaedah talaqqī ini merupakan kaedah klasik yang memang itu lah, semenjak azali lagi zaman nabi, zaman sahabat dan zaman selepas itu sehingga ke zaman sekarang ini itulah kaedah yang paling sesuai untuk digunakan, sebab qirāʾāt ini perlu menghafal, kaedah-kaedah dan sebutan itu daripada guru, mesti melalui guru, murid mesti tengok dan lihat daripada guru-guru itu sendiri, jadi ikut macam mana pun dia ((murid)) memang kena talaqqī. Tidak dapat tidak, sangat memerlukan talaqqī dalam ilmu qirāʾāt…"*

FGDB, minit 03:26

*"kemudian pembahagian, susun atur meja dan kerusi kepada murid yang lebih induktif …untuk mengamalkan PAK21 juga…kami biasanya akan buat aktiviti berkumpulan…"*

GT02, minit 05:39

*"Contoh kita boleh buat aktiviti, <gallery walk, two stay three stray>, baru boleh macam itu, <dragon ball> ape semua kan? Itu boleh, tapi dari segi amali, praktikaliti cara pembacaan, cara membunyikan seperti yang saya terang tadi itu, nak tak nak mesti melalui modul guru…"*

FGDA, minit 02:49

*"cuba untuk merubah suasana itu, antaranya dengan...(aaa)…istilahnya <one stay three stray> ((pendekatan PAK21)), ada juga kaedah <mentoring> dan juga kaedah*

*pembentangan, turut termasuk. Inilah yang kami amalkan setakat ini selain dari mengajar seperti biasa…"*

FGDB, minit 03:35

*"kaedah lain yang saya suka guna...(aaa) …iaitu <team, pair and share> kalau dalam PAK21. Lebih mudah bagi saya...contoh, hari itu kita belajar ayat 1 hingga 10, Imam Ibnu Amir ((imam qirāʾāt)) ...jadi ayat 1 hingga 5 murid A baca, ayat 6 hingga 10 murid B baca, masing-masing baca, faham betul-betul semua <ok> lepas itu kita <pair>kan dia <tasmīʿ> dengan pasangan ini, jadi dalam masa < tasmīʿ> itu, yang A cerita ayat 1 hingga 5 itu dan B akan cerita ayat 6 hingga 10, jadi masing-masing kongsi, dalam masa yang sama dua-dua ini akan dapat ayat 1 hingga 10"*

Selain daripada itu, pendekatan guru-guru TMUA ini diperkukuhkan pulan dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) semasa PdPc berjalan. Antara yang biasa digunakan adalah penggunaan ICT seperti *laptop, speaker dan LCD projector.* Guru-guru TMUA di sekolah KPM membawa *speaker* untuk memperdengarkan bacaan qirāʾāt. Manakala penggunaan penyediaan *slide power point*, *aplikasi Youtube*, tayangan video dan sebagainya ada dilaksanakan oleh guru-guru TMUA di sekolah.

*"menggunakan <speaker> ((pembesar suara)) dan perdengarkan bacaan dalam buku teks itu"*

FGDA, minit 02:23

*"gunakan pembesar suara dan Youtube, laptop dalam pengajaran saya."*

FGDA, minit 02:25

*saya akan buka YouTube ((aplikasi)) kita perdengarkan qari-qari ((pembaca al-Quran)) yang membaca qirāʾāt tersebut secara bertarannum ((berlagu))*

*contohnya seperti..Sheikh Ahmad Nuaina', Sheikh apa lagi..Sheikh Abdul Basit ((Qari Mesir)) jadi pelajar-pelajar ini tidak asing ((membuka mata murid)) ini ilmu apa ini, baca begini pelik..rupanya ada imam atau Sheikh yang terkenal membaca dengan wajah bacaan seperti ini..dengan contoh-contoh ini pelajar tidak merasa pelik, asing atau janggal dengan ilmu qirāʾāt ini..memang wujud..ada..universal.*

FGDB, minit 03:15

*"saya akan buka laptop, dengan <speaker> ((pembesar suara)) dan memperdengarkan bacaan tersebut, dan dalam masa yang sama saya akan suruh pelajar itu untuk buka al-Quran"*

FGDB, minit 03:16

Seterusnya buku teks Maharat al-Quran tingkatan 4 dan 5 ada menyediakan ruangan QR Code untuk mendengar bacaan qirāʾāt yang disediakan oleh bahagian buku teks mata pelajaran Maharat al-Quran. Hal ini memudahkan guru-guru untuk merujuk serta memperdengarkan bacaan tersebut secara langung kepada murid semasa PdPc, malah turut membantu murid ketika mengulang kaji di rumah.

*"buku teks yang ada QR Code boleh memperdengarkan <audio> bacaan qirāʾāt sebagai panduan"*

FGDA, minit 02:20

*"kita rujuk buku teks, kita scan QR Code, saya akan cari bacaan-bacaan imam-imam yang lain ada di internet sebagainya, jadi tentang ayat yang sama surah al-Baqarah itu"*

FGDA, minit 02:26

*"scan QR code itu menggunakan phone ((telefon bimbit)) kita sendiri, paling-paling berat pun kita hanya perlu membawa <speaker>, kalau kita buat di surau, kita guna <speaker> surau"*

FGDB, minit 03:32

*"ada ruang untuk QR Code…<so> biasanya saya akan mengguna pakai QR Code itu…kemudian murid dengar, saya akan bawa <speaker> …saya <scan> dan murid terus dengar contoh bacaan yang ada itu…"*

GT02, minit 05:36

Dapat dirumuskan, guru-guru TMUA di sekolah KPM menggunakan pendekatan berpusatkan guru khasnya dalam memberi penerangan dan huraian membincangkan perbezaan manhaj imam-imam qirāʾāt, rasm dan qawāʿid. Kemudian, melaksanakan aktiviti dengan beberapa pendekatan seperti *talaqqī*, hafalan, *tasmīʿ, tikrār, ʿamali,* dan penerapan PAK21 semasa bacaan qirāʾāt. Sehubungan dengan itu, pendekatan pengajaran qirāʾāt ini juga diperkukuhkan dengan penggunaan BBM dalam kalangan guru TMUA di sekolah.

## 5. KESIMPULAN

Pengajaran bidang qirāʾāt di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah lebih kepada pengenalan dan pendedahan awal kepada asas-asas ilmu qirāʾāt. Berbeza dengan di Darul Quran (JAKIM), Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) dan institut-institut yang lain, pengajaran lebih mendalam melibatkan penghafalan *matan* serta huraian, melibatkan ilmu *fawāṣil* (perbincangan bilangan ayat al-Quran), *ḍabṭul Quran* (perbincangan baris-baris dalam al-Quran) dan *rasm* (penulisan) dengan lebih terperinci bersesuaian dengan peringkat pengajiannya. Hasil dapatan kajian mendapati beberapa isu yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar bidang qirāʾāt ini antaranya dari aspek peruntukkan masa Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc). Hasil analisis dokumen mendapati masa PdPc yang diperuntukkan tidak mencapai masa minimum pengajaran yang dianjurkan oleh KPM iaitu 80jam setahun. Namun, realiti menunjukkan peruntukkan hanya 76 jam sahaja setahun. Selain

daripada itu terdapat kesukaran dalam kalangan guru yang tidak mempunyai latar belakang bidang qirāʾāt untuk mengajar bidang ini. Namun, dengan kerjasama serta bantuan rakan-rakan guru, bersama-sama mereka atasi secara berperingkat hasil daripada diskusi, ulang kaji serta suntikan semangat. Seterusnya berkenaan dengan buku teks terdapat kesilapan seperti yang terkait dengan isi pembelajaran seperti yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini serta memerlukan pemurnian semula agar pengajaran bidang qirāʾāt lebih selaras dari aspek kandungan dan silibus pengajaran. Hal ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan guru apatah lagi terhadap murid-murid.

Justeru itu, hasil penerokaan, dapatan dan analisis kajian akan dibincangkan lagi dengan lebih mendalam di dalam rumusan bagi menjawab setiap persoalan-persoalan yang dikemukakan di awal penyelidikan ini.

## RUJUKAN

Abdul Jalal. (2016). *Pengetahuan Kandungan Ilmu Qira'at dalam Kalangan Guru Qiraat di Malaysia.* Dlm. 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (hlm. 281–292).

Bahariah Ab Rahman. (2021*). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Ketidakupayaan Pendengaran)* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Daud, M. I., & Zakaria, R. (2021). Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong. *Jurnal al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 4*(2), 51–63. http://qiraat.kuis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/31/17.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Kamus Dewan (Edisi ke-4).* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ghazali Darussalam, & Sufean Hussin. (2018). *Kajian Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis* (Edisi ke-2). Penerbit Universiti Malaya.

Hasan Mahmud Al-Hafiz. (2017). *Mengenal Qira'at al-Qur'an.* Darul Nu'man.

Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012.*

http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Kemahiran al-Qur'an (Tingkatan 1, 2 dan 3).* Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999 (No. KP (B5) 8591/jilid XV/(3)).* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah).* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Surat Pekeliling Ikhtisas KPM: Pelaksanaan TMUA di Sekolah Menengah KPM.* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017a). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Turath al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 4.* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017b). *Manhaj al-Tahfiz al-Mutakamil: Maharat al-Quran Lisanati al-Rabi'ati*. Telaga Biru Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Turath al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 5.* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). *Manhaj al-Tahfiz al-Mutakamil: Maharat al-Quran Lisanati al-Khamisah.* Telaga Biru Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018c). *Surat Siaran Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Murid Tahun 6 bagi Tujuan Pelaporan Penilaian Sekolah Rendah (PPSR) 2018 dan Semua Murid Tahun 1 hingga Tahun 5 (No. Ruj: KPM 100-1/7/2 Jld. 6(17)).* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019a). *Definisi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).* Institut Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. http://ipgkpm.edu.my/download/PAK21-KPM.pdf

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019b). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Maharat al-Quran Tingkatan 4.* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019c). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Maharat al-Quran Tingkatan 5.* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019d). *Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019: Pelaksanaan KSSM Menengah Atas dan Pakej Mata Pelajaran Tahun 2020 (No. Ruj: KPM.100-1/3/11 Jld 2(7)).* https://www.moe.gov.my/pekeliling/3054-spi-bil-6-tahun-2019-pelaksanaan-kssm-menengah-atas-dan-pakej-mata-pelajaran-tahun-2020/file

Lubis, M. A. (2015). Effective Implementation of The Integrated Islamic Education. *Global Journal Al-Thaqafah, 5*(1), 59–68.

Mohamed Khalid. (2020). *Kaedah Pelaksanaan dan Kefahaman Pelajar Terhadap Pembelajaran Qiraat Kurikulum Bersepadu Tahfiz di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang* [Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Awang Idris, Haslina Muhammad, & R. Zirwatul Aida R. Ibrahim. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial.* Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Nawi, M. Z., Omar, M. R., & Mohd Nor, M. A. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal (APJ), 4*(1), 132–147. https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.241

Muhammad Firdaus, Muhammad Zaid, & Mohamad Redha. (2020). Sejarah Pembelajaran Ilmu Qira'at di Darul Quran: Satu Pemerhatian. *Jurnal Qira'at,* 3.

Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Ammar Farhan Ramlan, Fatin Nazmin Mansor, & Mohamad Fadhli Shah. (2021). Kaedah Pengajaran Qiraat Amali atas Talian dalam Kalangan Pensyarah Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Dalam *Proceeding of 8th International Research Management And Innovation Conference (8th IRMIC 2021) e-ISSN* (hlm. 203–210).

Muhammad Zaid Shamsul Kamar, Mohamad Redha Mohamad, & Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2020). Sejarah Pembelajaran Ilmu Qiraat di Darul Quran: Satu Pemerhatian (History of Qira'at Knowledge Learning at Darul Quran: An Observation). *Jurnal Qiraat*, 3.

Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneeis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Ghani, & Ismail Salleh. (2020). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Jurnal Al-Hikmah*, *12*(2), 3–18.

Nik Md Saiful Azizi, & Rabi'atul Athirah. (2020). Sejarah dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. *Jurnal Darul Quran*, 24.

Nor Hafizi Yusof, Mohd Amin Faisal Osman, & Mohd Adib Hassan. (2017). *Syaari Maharat al-Quran lil Sanah al-Rabi'ah.* Telaga Biru Sdn. Bhd.

Rabi'atul Athirah. (2016). *Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Shafie Ismail. (2017, Jun). Latar Belakang Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia [Komunikasi Peribadi / Temu bual]. Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Siti Rashidah Abd Razak. (2020). Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor. *Islamiyyat*, *42*(Isu Khas), 101–106.

Yusuf, S. A. M., Noh, M. A. C., & Razak, K. A. (2021). Teacher Practice In Teaching The Subject of Maharat Al-Quran Integrated Curriculum Tahfiz: Amalan Guru dalam Pengajaran Subjek Maharat al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs,* *5*(Disember). https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/120

Zainora Daud, Adi Muhammad Fairuz, A., & Abdullah Mustaffa. (2012). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Qiraat di Jabatan Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS: SatuTinjauan awal. Dlm. *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012* (ICRIALE 2012) (hlm. 473–486). http://eprints.um.edu.my/14085/1/KAEDAH_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_PENGAJIAN_QIRAAT.pdf